

12 AUG 2002  
LEAD TIMOR-MALAYSIA/I  
TIMOR MINTA BANTUAN MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN

PUTRAJAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Timor Lorosae, dahulunya dikenali sebagai Timor Timur, ingin mendapatkan bantuan Malaysia dalam membangunkan sosio ekonominya kerana ia menganggap Malaysia sebagai model terbaik dalam perancangan pembangunan dan pengurusan sumber.

Negara yang berasaskan pertanian tetapi memiliki sumber minyak dan gas yang besar yang belum diterokai, berhasrat untuk mengadakan usaha sama dengan Malaysia dalam bidang yang sebanyak mungkin.

Demikian dinyatakan oleh perdana menteri negara itu, Dr Mari Bim Amude Alkatiri, ketika pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Dr Mari yang tiba di negara ini semalam, mengetuai delegasi peringkat tinggi 27 anggota, termasuk 17 orang ahli perniagaan, ke Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad, memberitahu sidang media selepas pertemuan lebih sejam kedua-dua perdana menteri itu, bahawa Malaysia bersedia untuk membantu Timor Lorosae dalam bidang pendidikan, pembangunan perusahaan dan pertanian, serta usaha sama dalam industri minyak dan gas menerusi Petronas.

Malaysia juga bersedia untuk melatih pasukan polis dan tentera republik baru yang mempunyai penduduk seramai kira-kira 800,000 orang itu.

Antara bantuan yang ditawarkan oleh Malaysia adalah dalam bentuk latihan dalam pentadbiran, maklumat dan pembangunan menerusi Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN) dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR).

Timor Lorosae menjadi sebuah negara pada 20 Mei 2002.

Sebelum itu, wilayah tersebut ditadbir oleh Pihak Berkuasa Peralihan Bangsa-Bangsa Bersatu di Timor Timur (UNTAET) bermula 1999 berikutan referendum yang dibuat memilih untuk keluar daripada Indonesia.

Timor Timur adalah sebahagian daripada Indonesia bermula 16 Julai 1976.

Ibu negara dan bandar terbesarnya adalah Dili yang mempunyai penduduk 65,000 orang. Ekonomi negara itu adalah berasaskan perikanan dan pertanian dengan kadar pengangguran sebanyak 70 peratus.

Sumber aslinya termasuk minyak dan gas luar persisir. Eksportnya terdiri dari kopi, minyak dan gas asli, kayu, ikan, rempah, kelapa dan koko. Rakan dagang utamanya adalah Australia dan Portugal.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, ketika ditemui, pula berkata Malaysia akan melihat bagaimana dapat membantu Timor Lorosae menerusi pelaburan dalam sektor hiliran dan berorientasikan eksport.

Beliau berkata negara tersebut juga ingin mendapatkan nasihat Petronas dalam mengadakan kemudahan prasarana bagi membangunkan sektor minyak dan gas.

Malaysia menawarkan pengalamannya dalam pentadbiran kerajaan, prasarana, pelaburan dan industri, katanya. Ia juga akan membantu dalam menubuhkan kedutaan negara itu di sini.

Beliau berkata Timor Lorosae turut mencadangkan penubuhan suruhanjaya pentadbiran dan ekonomi bersama bagi menyusuli usaha-usaha ini.

Tentang hubungan dagangan antara kedua-dua negara, Rafidah berkata rakyat Malaysia telah berada di negara itu walaupun bilangannya kecil.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), katanya, akan menawarkan perkhidmatan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dalam mengadakan

peraturan pelaburan yang belum diadakan oleh Timor Lorosae. -- BERNAMA  
SHO KTC JR